

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(I)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

12. Terangkan secara terperinci tentang status terkini projek pembangunan *Penang World City*.
- (a) Adakah pembangunan tersebut telah mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) dan harapan asal yang telah ditetapkan?
- (b) Apakah pelan mitigasi yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya projek tersebut tidak mencapai KPI dan sasaran yang telah ditetapkan?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

- 12 *Penang World City* merupakan projek di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan pembinaan kediaman dan pembangunan bercampur dilaksanakan secara *Request For Proposal* (RFP). Projek ini dibahagikan kepada 6 *parcel* pembangunan di mana status terkini bagi *Parcel 1* telah disiapkan pada September 2017, *Parcel 2* dalam pelaksanaan, manakala *Parcel 3,4,5* dan 6 masih dalam peringkat perancangan seperti perincian berikut:

Bil.	<i>Parcel-Parcel</i> Pembangunan	Status Pelaksanaan	% Perlaksaan	Tarikh Mula	Tarikh Siap
1.	<i>Parcel 1</i>	Telah disiapkan pada September 2017	100%	Ogos 2014	September 2017
2.	<i>Parcel 2A</i>	Kerja <i>Piling</i> dan kerja asas (<i>foundation works</i>) telah disiapkan	18%	April 2018	Disember 2020

Bil.	Parcel-Parcel Pembangunan	Status Pelaksanaan	% Pelaksanaan	Tarikh Mula	Tarikh Siap
	<i>Parcel 2B</i>	Kerja <i>Piling</i> dan kerja asas (<i>foundation works</i>) dalam <i>Progress</i>	7%	Februari 2018	Disember 2021
3.	<i>Parcel 3A</i>	Peringkat kelulusan perancang	-		
	<i>Parcel 3B</i>	Kerja <i>Piling</i> dan kerja asas (<i>foundation works</i>) dalam <i>Progress</i>	7%		
	<i>Parcel 3C</i>	Peringkat reka bentuk, Disasarkan Kebenaran Merancang <i>submission</i> pada September 2018	-		
4.	<i>Parcel 4A</i>	Peringkat reka bentuk, Disasarkan Kebenaran Merancang <i>submission</i> pada September 2018	-		
	<i>Parcel 4B</i>	Sebahagian daripada pembangunan tebus guna	DP		
5.	<i>Parcel 5 & 6</i>	Dijangka kelulusan Kebenaran Merancang untuk kerja tanah (<i>earthwork</i>) –September 2018. <i>Commencement of work</i> di sasarkan pada Q3, 2018. Kerja-kerja tanah dijangka siap pada Q4, 2020.	DP		

- (a) Perancangan asal dan KPI keseluruhan pembangunan projek ini adalah untuk disiapkan pada November 2019. Namun, ianya tidak dapat dicapai dan jangkaan tarikh siap yang dipinda adalah pada tahun 2023.
- (b) PDC telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan projek pembangunan ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan, antaranya :-
 - (i) Pemantauan rapi dengan menyokong segala pelan pembangunan yang telah dikemukakan oleh Ivory Properties Group Berhad (IPGB) serta membantu di dalam mendapatkan kelulusan segera dari pihak berkuasa agar pembangunan projek ini berjalan lancar;
 - (ai) Mengadakan mesyuarat koordinasi secara berkala sebagai pemantauan kemajuan projek;
 - (iii) Menyokong penstrukturan semula syarikat pemaju sebelum ini seperti perubahan di dalam pemilikan syer utama syarikat supaya mendapat pelabur yang lebih berdaya saing serta berkemampuan dari segi kedudukan kewangan;
 - (iv) IPGB dikehendaki memberi jaminan dalam bentuk *Performance Bond* kepada PDC; dan
 - (v) IPGB perlu mendapatkan kebenaran PDC dimana perlu terlebih dahulu di dalam sebarang perubahan dari segi pembangunan, pemilikan syer syarikat dan lain-lain sepertimana yang termaktub di dalam *Purchase & Development Agreement* yang bertindak sebagai kaedah kawalan dan pemantauan oleh PDC.